

KEMPEN PB GOLDEN FORTUNE 2025

TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Golden Fortune 2025 (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut (“Terma dan Syarat”) mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung mulai **1 Januari 2025 hingga 30 April 2025**, termasuk kedua-dua tarikh, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB baharu dan sedia ada berumur 18 tahun dan ke atas (“Peserta yang Layak”) pada waktu penyertaan.
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan/atau Public Investment Bank Berhad;
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) orang yang tidak waras;
 - d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadap mereka; dan
 - e) orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditentukan oleh PBB.

3. Mekanisme Kempen

- 3.1 Produk yang Layak bagi Kempen ini adalah mana-mana produk unit amanah atau bankasurans / banktakaful yang berikut:-
 - a) Dana Siri PB / e-Siri Public Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur (“UA”);
 - b) PB Smart Link (“PBSL”) (Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal);
 - c) PB Smart Elite (“PBSE”) (Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal);

- d) PB Signature Legacy (“PBSLe”) (Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal);
- e) PB ExcelLink-i (“PBE-i”) (Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal yang patuh Syariah).

Dana Skim Persaraan Swasta (“PRS”) tidak dianggap sebagai Produk yang Layak di bawah Kempen ini.

3.2 Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA yang Layak”)* bagi Kempen ini adalah mana-mana CASA yang berikut yang dipegang dengan PBB:-

- | | |
|-------------------------------|-----------------------------|
| a) Akaun Simpanan PLUS | g) Akaun Semasa PLUS |
| b) Akaun Simpanan Basic | h) Akaun Semasa Basic |
| c) Akaun Simpanan Basic 55 | i) Akaun Simpanan MoneyPLUS |
| d) Akaun Simpanan 55 PLUS | j) Akaun ACE |
| e) Akaun Simpanan PB MySalary | k) Akaun Premier ACE |
| f) Akaun Simpanan PB UnionPay | l) Akaun Semasa Basic 55 |

*Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.3 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak layak untuk mendapat satu (1) hadiah (“Hadiah”) apabila mereka memenuhi semua kriteria yang berikut:-

- a) berjaya melabur / membeli mana-mana Produk yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah Perkara 3.1) dengan amaun pelaburan / pembelian minimum yang dinyatakan dalam Jadual A; dan
- b) mendeposit dana baharu minimum sebanyak RM4,000 dalam CASA yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah Perkara 3.2) dan amaun tersebut berjaya diuntukkan oleh PBB untuk tempoh empat (4) bulan (“Deposit Diuntukkan”).

Jadual A

Jenis Pelanggan	Jenis Hadiah	Amaun Pelaburan / Pembelian Minimum dalam Produk yang Layak	Dana Baharu Minimum untuk didepositkan dalam CASA yang Layak
Semua Pelanggan termasuk Pelanggan Perbankan Red Carpet (“RCB”)	Kekayaan Melimpah-ruah Bersadur Emas 24k (“Lembu”)	RM88,000	RM4,000 (Amaun ini akan diuntukkan untuk tempoh 4 bulan)
Pelanggan RCB sahaja	Ikan Koi Bersadur Emas 24k yang Melambangkan Perpaduan (“Ikan Koi”)	RM138,000	

- 3.4 Peserta yang Layak layak untuk menerima lebih daripada satu Hadiah asalkan mereka memenuhi amaun pelaburan / pembelian minimum untuk setiap Hadiah dengan satu (1) Deposit Diuntukkan, dengan syarat tempoh penguntukan belum tamat dan Hadiah masih ada.

Ilustrasi 1: Pelanggan yang bukan pelanggan RCB

Tarikh	Amaun Pelaburan / Pembelian dalam Produk yang Layak	Deposit Diuntukkan	Kelayakan Hadiah
1 Januari 2025	RM88,000 dalam UA	RM4,000 (Tempoh penguntukan untuk Deposit Diuntukkan ini bermula pada 1 Januari 2025 dan akan tamat pada 30 April 2025 ("Tempoh penguntukan pertama"))	Satu (1) Lembu
23 Januari 2025	RM88,000 dalam PBSL	Deposit Diuntukkan tambahan tidak diperlukan kerana masih dalam tempoh penguntukan pertama	Satu (1) Lembu
1 Februari 2025	RM138,000 dalam UA		Satu (1) Lembu, bukan Ikan Koi kerana Ikan Koi hanya untuk pelanggan RCB

Ilustrasi 2: Pelanggan yang merupakan pelanggan RCB

Tarikh	Pelaburan / Amaun Pembelian dalam Produk yang Layak	Deposit Diuntukkan	Kelayakan Hadiah
1 Januari 2025	RM88,000 dalam UA	RM4,000 (penguntukan untuk Deposit Diuntukkan ini bermula pada 1 Januari 2025 dan akan tamat pada 30 April 2025 ("Tempoh penguntukan ke-2"))	Satu (1) Lembu
23 Januari 2025	RM138,000 dalam PBSL	Deposit Diuntukkan tambahan tidak diperlukan kerana masih dalam tempoh penguntukan ke-2	Satu (1) Ikan Koi

- 3.5 Apa-apa CASA yang tidak disenaraikan dalam Fasal 3.2 dianggap sebagai CASA yang tidak layak dan CASA sedemikian tidak dianggap sebagai CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini walaupun CASA itu telah ditukarkan dalam apa-apa jenis CASA yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 semasa Tempoh Kempen.

Ilustrasi

Pelanggan A mempunyai Akaun Simpanan WISE dengan PBB sebelum Tempoh Kempen. Semasa Tempoh Kempen, Akaun Simpanan WISE Pelanggan A telah ditukarkan menjadi Akaun Simpanan PLUS. Akaun Simpanan PLUS Pelanggan A itu tidak dianggap sebagai CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini.

- 3.6 Peserta yang Layak yang melabur / membeli Produk yang Layak mestilah salah seorang Pemegang Akaun CASA yang Layak.

Terma Khusus bagi Produk yang Layak

- 3.7 Peserta yang Layak mesti menjadi pemegang unit pelaburan UA atau pemilik polisi / sijil produk bankasurans / banktakaful (mana-mana yang diterima pakai).
- 3.8 Pelaburan UA yang dibuat dalam talian melalui Public Mutual Online (PMO) dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, tertakluk pada Peserta yang Layak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.3 di atas.

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelaburan UA yang dibuat melalui PMO hendaklah dilayani oleh Kakitangan Jualan Berlesen PBB dengan Kod Ejen PBB yang dipilih sebagai perunding unit amanah dalam PMO bagi tujuan Kempen ini.

- 3.9 Peserta yang Layak dibenarkan untuk menggabungkan / mengumpulkan pelaburan / pembelian Produk yang Layak dengan cara yang berikut:
- a) Menggabungkan / mengumpulkan pelaburan UA mereka dalam beberapa dana di bawah siri yang berbeza yang mana urusan niaga dibuat di kaunter dan melalui PMO; atau
 - b) Menggabungkan / mengumpulkan pembelian premium tunggal / caruman tunggal polisi PBSL / PBSE / PBSLe / PBE-i mereka.

Bagi mengelakkan keraguan, Peserta yang Layak tidak dibenarkan untuk menggabungkan / mengumpulkan pelaburan UA mereka dengan pembelian premium tunggal / caruman tunggal polisi PBSL / PBSE / PBSLe / PBE-i bagi tujuan Kempen ini.

- 3.10 Urus niaga tukar ganti daripada unit beban sifar, unit beban rendah dan unit beban-1% kepada unit beban dana UA dibenarkan bagi tujuan Kempen ini, tertakluk pada Peserta Yang Layak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.3 di atas.

Nota:

- a) Unit beban sifar ialah unit yang tidak dikenakan apa-apa caj jualan.
 - b) Unit beban rendah ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 0.50% atau kurang daripada itu.
 - c) Unit beban-1% ialah unit yang dikenakan caj jualan lebih daripada 0.50%.
 - d) Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih.
- 3.11 Peserta yang Layak dianggap tidak mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.3 (a) di atas sekiranya:-
- a) bagi UA, sekiranya dibatalkan semasa “tempoh bertenang”; atau
 - b) bagi bankasurans / banktakaful, sekiranya dibatalkan semasa “tempoh percubaan”.
- 3.12 “Tempoh bertenang” merujuk tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan dan pembayaran oleh Public Mutual Berhad (“PMB”). Tempoh bertenang seperti itu hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana dana UA dengan PMB untuk kali pertama.
- 3.13 “Tempoh percubaan” merujuk tempoh lima belas (15) hari bermula dari tarikh penerimaan dokumen atau sijil polisi, mengikut keadaannya, berkaitan dengan produk bankasurans / banktakaful, sama ada dalam salinan bercetak atau e-polisi atau e-sijil oleh Peserta yang Layak.
- 3.14 Apa-apa pelaburan dalam UA menggunakan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) dikecualikan daripada Kempen ini.
- 3.15 Pelaburan / Pembelian apa-apa Produk yang Layak tidak boleh digunakan bagi apa-apa kempen atau promosi lain.
- 3.16 Pelaburan / Pembelian Produk yang Layak tertakluk pada terma dan syarat masing-masing yang akan dikeluarkan oleh PMB, AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad, mengikut keadaannya.

Terma Khusus bagi CASA yang Layak

- 3.17 Amaun yang hendak diuntukkan dalam CASA yang Layak mestilah daripada dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB dan/atau PIBB. Peserta yang Layak mesti memberi arahan bertulis dengan menandatangani “Kempen PB Golden Fortune 2025 - Surat untuk Menguntukkan (“LEI”)” dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana dipindahkan atau dikreditkan dalam CASA yang Layak milik Peserta yang Layak.

Pelaksanaan LEI ini akan dianggap sebagai arahan yang sah dan mengikat kepada PBB untuk menguntukkan CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini.

- 3.18 Apa-apa Deposit Diuntukkan yang dibuat dalam CASA yang Layak mengikut Kempen ini hendaklah bebas daripada beban dan tidak tertakluk pada apa-apa lien, caj, serah hak atau dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf atau kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.
- 3.19 CASA yang Layak yang dipautkan kepada kemudahan kredit/pinjaman/ pembiayaan Peserta yang Layak tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.20 Dana baharu dalam CASA yang Layak hendaklah tidak diuntukkan/digunakan oleh PBB dan/atau PIBB atau digunakan bagi apa-apa kempen atau promosi lain.

4. Hadiah

- 4.1 Peserta yang Layak yang berhak untuk mendapat Hadiah akan dihubungi oleh PBB.
- 4.2 Hadiah diberi atas dasar “seperti sedia ada”.
- 4.3 Hadiah akan diberi **atas dasar siapa cepat, dia dapat, sementara stok masih ada**. PBB tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau menambah Hadiah apabila stok yang sedia ada habis.
- 4.4 Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang lain, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 4.5 PBB tidak dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai atau kos sampingan berkaitan dengan Hadiah yang akan dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak ketiga kerana Peserta yang Layak layak untuk Hadiah berkenaan.

- 4.6 PBB mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana Hadiah berkenaan, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau menambah atau mengurangkan bilangan Hadiah.
- 4.7 Apa-apa gambar yang ditunjukkan dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan pemasaran lain (“Bahan Pemasaran”) berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata. Hadiah tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam Bahan Pemasaran.

5. Pengambilan Hadiah

- 5.1 Peserta yang Layak mesti mengambil Hadiah mereka dari cawangan PBB / Pusat RCB di mana mereka melabur / membeli Produk yang Layak dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh mereka sendiri.
- 5.2 Peserta yang Layak mesti mengambil Hadiah dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh selepas mereka dimaklumkan oleh PBB mengenai kelayakan mereka terhadap Hadiah berkenaan, jika tidak, PBB akan mengambil balik Hadiah tersebut dan Peserta yang Layak tidak lagi boleh menuntut Hadiah berkenaan.
- 5.3 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan pada Hadiah akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah tersebut disampaikan kepada Peserta yang Layak. PBB tidak dipertanggungjawabkan bagi/atau bertanggungjawab untuk mengakui atau menggantikan Hadiah yang tidak sempurna, hilang, rosak atau dicuri.

6. Terma dan Syarat Am

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan terma dan syarat yang mengawal CASA yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan / atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan terma dan syarat yang mengawal CASA yang Layak, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 6.2 Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan bersama-sama dengan Hadiah dalam semua bahan bercetak, laman web, aplikasi perbankan mudah alih, platform media sosial atau di cawangan PBB hanyalah untuk tujuan perhiasan dan bukan merupakan sebahagian daripada Hadiah.
- 6.3 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga tentang apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah.

- 6.4 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak berkaitan dengan Produk yang Layak dan CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 6.5 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekalipun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau Hadiah kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB yang berkaitan secara khusus dengan Kempen ini.
- 6.6 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 6.7 Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan Hadiah di bawah Kempen ini.
- 6.8 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berkenaan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 6.9 PBB berhak untuk:
 - a) menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini.
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Tempoh Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan di laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan Kempen ini tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap

PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh pembatalan, penarikan balik, lanjutan, penamatan atau penggantungan itu.

- 6.10 Terma dan Syarat ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB yang menyatakan cara PBB menggunakan maklumat mereka melalui laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.
- 6.12 Peserta yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan agar mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
